



State Mufti's Office
Prime Minister's Office
Brunei Darussalam

SEMBAHYANG SUNAT WUDHU : PELUANG MERAH PAHALA

(BILANGAN 252)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Sembahyang sunat Wudhu' ialah sembahyang sunat dua rakaat yang dikerjakan setelah mengambil air sembahyang atau berwudhu'. Sembahyang ini akan terluput waktu mengerjakannya jika terpisah oleh jangka masa yang lama antara wudhu' dengan sembahyang sunat wudhu' menurut pendapat yang *arjah* (paling kuat).

Kaifiat Sembahyang sunat Wudhu'

1. Lafaz niatnya:

Lafaz niat sembahyang sunat Wudhu':

Ertinya: *"Sahaja aku sembahyang sunat Wudhu' dua rakaat kerana Allah Ta'ala."*

2. Bacaan dalam sembahyang sunat Wudhu'

Disebutkan dalam kitab Fath al-'Allam bahawa surah dan zikir tertentu yang sunat dibaca dalam sembahyang sunat Wudhu' ini sebagaimana yang dipetik daripada kitab al-Maslak al-Qarib adalah seperti berikut:

- Bacaan pada rakaat pertama:

i. Membaca surah al-Fatihah.

ii. Membaca surah an-Nisaa, ayat 64:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ اللَّهِ ۗ وَلَوْ أَنْهَمَ إِذْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوا اللَّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا اللَّهَ تَوَّابًا رَحِيمًا ﴿٦٤﴾

iii. Kemudian membaca surah al-Kafirun.

- Bacaan pada rakaat kedua:

i. Membaca surah al-Fatihah.

ii. Membaca surah an-Nisaa, ayat 110:

وَمَنْ يَعْمَلْ سُوءًا أَوْ يَظْلِمْ نَفْسَهُ ثُمَّ يَسْتَغْفِرِ اللَّهَ يَجِدِ اللَّهَ غَفُورًا رَحِيمًا ﴿١١٠﴾

iii. Kemudian membaca surah al-Ikhlash.

Bacaan ketika ruku', i'tidal, sujud, duduk antara dua sujud, duduk tahyat awal dan akhir adalah seperti biasa.

Sesudah selesai sembahyang dibaca zikir-zikir di bawah ini sebanyak sepuluh kali.

(10 kali)

(10 kali)

(10 kali)

(10 kali)

(10 kali)

(10 kali)

(10 kali)

Fadhilat mengerjakan sembahyang sunat Wudhu'

Antara fadhilat mengerjakan sembahyang sunat Wudhu' ini:

a. Memberi peluang untuk masuk ke syurga

- (i) Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* meriwayatkan perbualan antara Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* dengan Bilal *Radhiallahu 'anhu*:

:

.

:

.

()

Maksudnya: “Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda kepada Bilal ketika (selesai) sembahyang Fajar (Subuh): “Wahai Bilal, ceritakanlah padaku amalan apa yang paling kamu harapkan melakukannya dalam Islam. Sesungguhnya aku mendengar bunyi sepasang terompahmu di hadapanku di dalam Syurga.”

Bilal berkata: “Tidak ada amalan yang aku lakukan yang paling aku harapkan kecuali (ada satu amalan, iaitu) aku tidak berwudhu’ satu wudhu’ pun pada waktu malam ataupun siang, melainkan aku sembahyang dengan wudhu’ itu, sepertimana yang telah ditetapkan untukku melakukan sembahyang (samada fardhu atau sunat pada iktikad Bilal).”

(Hadis riwayat al-Bukhari)

- (ii) Manakala dalam riwayat lain daripada Abu Buraidah bahawa Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam memanggil Bilal Radhiallahu ‘anhu lalu bertanya bagaimanakah dia mendahului Baginda di syurga. Bilal Radhiallahu ‘anhu pun menjawab:

.
:
()

Maksudnya: “Dan aku tidak pernah didatangi hadas melainkan aku (segera) mengambil wudhu’ Ketika itu. Dan aku mengambil pendirian (kerana rasa syukur, aku membuat pilihan) bahawa demi Allah ke atasku (sembahyang) dua rakaat.”

Lalu Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Dengan kedua-dua amalan itu.” (iaitu berwudhu’ apabila

berhadass dan sembahyang dua rakaat setiap kali berwudhu' maka Bilal memperolehi apa yang didapatnya)."

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Dengan riwayat ini merupakan satu anjuran supaya orang-orang menyukai dan mengamalkan perbuatan seperti yang dibuat oleh Bilal itu.

b. Diampunkan dosa-dosa kecil

Riwayat daripada Humran, hamba kepada Sayyidina 'Utsman bin 'Affan *Radhiallahu 'anhu* bahawa dia melihat tuannya itu berwudhu' kemudian beliau berkata:

()

Maksudnya: *"Aku ('Utsman) telah melihat Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam mengambil wudhu' seperti cara wudhu'ku ini."*

Kemudian Baginda bersabda: "Barangsiapa yang berwudhu' seperti wudhu'ku ini, kemudian (setelah berwudhu') dia sembahyang dua rakaat, yang mana dia tidak berkata-kata pada dirinya dalam kedua-dua rakaat sembahyangnya itu, nescaya diampunkan baginya dosanya yang telah lalu."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Adapun maksud *"dia tidak berkata-kata pada dirinya"* ialah tidak memikirkan perkara yang berkaitan dengan keduniaan dan

perkara yang tidak ada hubung-kait dengan sembahyang (dengan sengkaja). Manakala yang dimaksudkan dengan “*diampunkan baginya dosanya*” itu ialah dosa-dosa kecil.

Beberapa persoalan sembahyang sunat wudhu’

- Adakah sembahyang sunat wudhu’ ini tertunai dengan mendirikan sembahyang yang lain?

Sembahyang sunat Wudhu’ ini juga tertunai dengan mengerjakan sembahyang fardhu atau sembahyang sunat dua rakaat yang lain sepertimana juga sembahyang sunat Tahiyah al-Masjid.

Dalam hal ini al-‘Allamah Shawbari *Rahimahullahu Ta’ala* berkata: “Apabila mengerjakan salah satu daripada dua sembahyang tersebut (sembahyang sunat Tahiyah al-Masjid atau sembahyang sunat Wudhu’) maka gugurlah tuntutan mengerjakan sembahyang yang satu lagi itu.”

Begitu juga boleh berniat salah satu dari dua sembahyang itu atau berniat kedua-duanya sekali dan mengerjakannya sebanyak dua rakaat sahaja.

Walaupun bagaimanapun adalah lebih afdhal jika dilakukan kedua-dua sembahyang sunat tersebut dengan mendahulukan sembahyang sunat Tahiyah al-Masjid dan kemudian sembahyang sunat wudhu’.

Perkara ini afdhal dilakukan kerana dengan mengerjakan kedua-dua sembahyang itu, seseorang itu telah mengerjakan sembahyang sebanyak empat rakaat dan ini sudah tentu lebih pahalanya daripada melakukan sembahyang dua rakaat sahaja.

- Bolehkah diqadha sembahyang sunat wudhu’?

Sembahyang-sembahyang sunat yang didirikan atas sebab-sebab yang mendatang seperti sembahyang sunat Gerhana, sembahyang sunat Istisqa' dan sembahyang sunat Tahiyah al-Masjid, tidaklah disyari'atkan untuk diqadha, kerana sembahyang-sembahyang sunat tersebut tidak lagi dituntut apabila penyebabnya sudah tiada.

Sembahyang sunat wudhu' juga termasuk dalam kategori sembahyang yang didirikan atas sebab-sebab yang mendatang. Dari itu tidaklah disunatkan mengqadhanya apabila telah berlalu waktu sunat mengerjakannya.

- Bolehkah sembahyang sunat wudhu' dilakukan dalam waktu makruh?

Waktu-waktu yang dimakruhkan mengerjakan ibadat sembahyang padanya ada lima, iaitu:

1. Ketika matahari akan terbit.
2. Ketika matahari akan terbenam.
3. Ketika matahari sedang berada di atas kepala.
4. Sesudah sembahyang subuh, sama ada sebelum matahari terbit ataupun selepas matahari terbit.
5. Sesudah sembahyang asar, baik ketika matahari akan terbenam mahupun belum.

Sembahyang-sembahyang yang ditegah melakukannya pada waktu makruh ini ialah sembahyang sunat Muthlaq iaitu sembahyang yang tiada mempunyai sebarang sebab seperti sembahyang sunat Tasbih dan juga sembahyang yang bersebab tetapi sebabnya itu terkemudian. Sembahyang yang sebabnya terkemudian itu ialah seperti sembahyang sunat Ihram dan sembahyang sunat Istikharah. Sebab sembahyang sunat Ihram itu adalah kerana memakai Ihram, ia hanya berlaku setelah melaksanakan sembahyang Ihram dan Istikharah itu pula kerana membuat suatu perkara itu dimulakan selepas sembahyang Istikharah.

Adapun sembahyang yang sebabnya terdahulu daripada sembahyangnya ataupun beriringan, maka harus dikerjakan pada waktu-waktu tegahan itu, tidaklah makruh dan tidak pula haram. Misalnya sembahyang qadha sama ada fardhu atau sunat, sembahyang Jenazah, sembahyang Istisqa', sembahyang Hari Raya, sembahyang Dhuha, sembahyang sunat Thawaf, sembahyang sunat Tahiyah al-Masjid, sujud tilawah dan sujud Syukur dan lain-lain sembahyang yang sebabnya terdahulu.

Begitu juga sembahyang sunat Wudhu' adalah antara sembahyang yang mempunyai sebab terdahulu, maka ia harus dilakukan dalam waktu-waktu yang makruh melakukan sembahyang.

Penutup

Sembahyang sunat amat besar fadhilatnya, di mana selain dari mengharapkan rahmat serta maghfirah, ia juga sebagai cara terbaik untuk mendekatkan diri kepada Allah *Ta'ala*. Selain itu ianya juga dapat menambal mana-mana kekurangan yang mungkin tidak disedari terdapat di dalam sembahyang-sembahyang fardhu yang kita lakukan. Antara sembahyang-sembahyang sunat itu ialah sembahyang sunat Wudhu'. Oleh itu hendaklah ia dikerjakan dan dijadikan amalan kerana fadhilatnya amatlah besar.